

SOALAN NO: 136

Secara umumnya, Kod Kandungan bertujuan untuk mencadangkan garis panduan dan tatacara berhubung dengan peruntukan kandungan melalui kawal selia sendiri oleh pihak industri dengan cara yang praktikal, boleh dilaksanakan secara komersial dan pada masa yang sama merangsang, mempromosi dan menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri.

Pihak stesen televisyen juga dikehendaki menyediakan program kandungan tempatan yang mempromosikan budaya dan identiti Kebangsaan.

- iii. **Skim Pembiayaan Francais** dan Program ***Business In Transformation*** melalui Perbadanan Nasional Berhad (PNS) yang menyediakan perkhidmatan latihan dan pembiayaan untuk membantu para peniaga menjana pendapatan yang tinggi dalam bidang francais;
- iv. Program ***Co-operative Strategic Linkages*** oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk meluaskan rangkaian dan skala ekonomi perniagaan koperasi melalui pengeluaran produk atau barangan keperluan; dan
- v. Program ***1 Hour Registration of Business*** oleh Suruhajaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi memudahkan urusan pendaftaran perniagaan baharu diproses dalam tempoh masa 1 jam.

Pada masa yang sama, KPDNKK turut melaksanakan pelbagai langkah penguatkuasaan undang-undang dan program bagi menangani kenaikan harga barangan seperti berikut:

- i. menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga;
- ii. menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** di mana para peniaga diwajibkan meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual atau mempamerkan senarai harga;
- iii. mengadakan **Kempen Penurunan Harga** yang disertai oleh 3,035 pasaraya di seluruh dengan menawarkan diskaun sehingga 70% bagi 1,148,404 produk;

- iv. melaksanakan **Program Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** semasa musim perayaan utama iaitu Hari Gawai, Pesta Keamatan, Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas;
- v. membuka sebanyak **185 Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)** dan **30 Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M)** yang menawarkan barangan dengan harga perpatutan;
- vi. menyeragamkan harga barang-barang keperluan pengguna seperti beras, gula, minyak masak, tepung gandum, gas memasak (LPG), petrol RON 95 dan diesel pada harga yang ditetapkan Kerajaan melalui **Program Penyeragaman Harga dan Mobile KR1M**;
- vii. menubuhkan **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)** bagi memastikan tidak berlaku kegiatan monopoli dan kartel yang memanipulasikan harga bagi mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan pemain industri;
- viii. mengadakan program **Kedai Harga Patut** di mana sebanyak 1,238 premis yang dikenalpasti menjual barangan pada harga yang berpatutan dan kompetitif tanpa mengabaikan kualiti barangan dan perkhidmatan perniagaan telah diberi penganugerahan dari Kerajaan;
- ix. membangunkan aplikasi **Ez-ADU** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu pencatutan; dan
- x. mengadakan sebanyak 48 sesi **engagement dan advokasi** pematuhan bersama para pemain industri dari pelbagai sektor perdagangan.

Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang disebutkan, Kerajaan berharap agar kesan peningkatan kos sara hidup rakyat dapat ditangani demi kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat negara ini.